



# BINA PURI HOLDINGS BHD

Since 1975

---

## PRESS RELEASE

Berita Harian, 08-01-2009

### **Bina Puri raih satu lagi kontrak di Thailand**

BINA Puri Holdings Bhd memperoleh satu lagi kontrak di Thailand iaitu bagi reka bentuk serta membina gudang dan bangunan pejabat tiga tingkat di Rojana Industrial Park, Ayutthaya.

Kontrak RM24.6 juta itu diperoleh anak syarikatnya, Bina Puri (Thailand) Ltd daripada Century Logistics Sdn Bhd.

Bina Puri dalam kenyataannya berkata, dengan kontrak terbaru itu, nilai kontrak semasa kumpulan itu kini RM1.80 bilion dan kumpulan itu yakin 2009 menjanjikan masa depan yang cerah bagi kumpulan itu di sebalik persekitaran ekonomi yang mencabar.

Syarikat itu menegaskan, kontrak baru itu juga menandakan satu lagi pencapaian dalam hubungan jangka panjang dengan pelanggannya di negara itu.

"Ia juga adalah bukti keupayaan Bina Puri sebagai syarikat kontraktor yang stabil dan boleh dipercayai," katanya.

Kumpulan Bina Puri adalah antara peserta utama industri pembinaan tempatan dengan pengalaman lebih 30 tahun, terutama dalam kerja kejuruteraan awam dan bangunan.

Ia mula meneroka ke luar negara sejak 10 tahun lalu dan keupayaannya terbukti dalam menyiapkan pelbagai projek pembinaan bernilai berjuta ringgit termasuk prasarana mega seperti lebuh raya, lapangan terbang, bekalan air, hospital, bangunan pencakar langit dan projek penambakan tanah.

Kumpulan itu mula meneroka sektor pembinaan di Thailand pada 2003 dan sedang melaksanakan projek untuk menyerahkan lebih 40,000 unit rumah kos rendah bernilai RM1.65 bilion di 16 lokasi di pinggir bandar raya Bangkok dan wilayah berhampiran seperti di Bangplee, Romklao, Bang Pu, Krasaebon, Rama II, Tha Jean, Na Dee, Nong Joak dan Asoke-Rachada.

Bina Puri dalam kenyataannya itu berkata, kumpulan sentiasa membuat bidaan untuk projek di dalam dan luar negara.

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor  
Corp Communications Dept  
**BINA PURI HOLDINGS BHD**  
Tel : 03-6136 3333 (3005)  
Fax : 03-6136 9999  
E-mail : [surati@binapuri.com.my](mailto:surati@binapuri.com.my)